

PROJEK LAVENDER 2:
Kanser, Catatan Hati
Tentang Reda

“Saya kagum dengan semangat penulis yang masih berjuang menjalani rawatan. Setiap yang berlaku ada hikmah yang tersembunyi, sama ada bagi diri pesakit sendiri mahupun ahli keluarga dan orang terdekat. Bertakung juga air mata membaca kisah penjaga yang berkongsi detik-detik akhir perjalanan hidup insan tersayang mereka walaupun kini semuanya hanya tinggal kenangan.

Memang tak mudah melupakan, saya juga begitu apabila sesekali memori arwah emak melintas di fikiran. Kiriman doa sebanyaknya buat emak dan para pejuang kanser yang telah pergi dabulu.” – **Zaila Hafni, Editor Bebas**

“Kekuatan buku ini ialah pada kisah-kisah benar yang diceritakan; baik oleh pesakit atau penjaga pesakit. Sebagai pembaca yang sihat, boleh jadi, buku ini bukanlah buku pilihan pertama untuk dibaca.

Namun, setelah membaca kisah pertama, kedua, ketiga dan kisah selanjutnya, ternyata pandangan tersebut meleset dan merugikan. Setiap kisah menjadikan pembaca tidak mahu berhenti daripada terus membaca.

Sebagai seorang yang masih diberi kesihatan yang baik, buku ini umpama hentakan kuat ke lubuk hati untuk saya semakin sensitif dengan anugerah jasad dan jiwa yang diberi pinjam oleh-Nya. Menjaga pemakanan dan memahami psikologi pesakit kanser, adalah antara mesej penting untuk pembaca seperti saya.” – **Aliff Basri, Aktivis Buku**

PROJEK LAVENDER 2

Harapan ■ Inspirasi ■ Perjuangan



Kanser, Catatan Hati Tentang Reda

Penyelenggara:

Norsa'adah Ahmad

Dr. Noor Hayati Yasmin Nga Timin

Diterbitkan oleh:
Dua Penulis PLT
E-mel: duapenulis@gmail.com
Facebook: Dua Penulis
Laman web: duapenulis.com / projeklavender.com

Hak Cipta © 2019
Penerbitan © Dua Penulis PLT
Teks © masing-masing penulis

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Cetakan pertama 2019

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

PROJEK LAVENDER 2 : Kanser, Catatan Hati Tentang Reda /
Penyelenggara: Norsa'adah Ahmad, Dr Noor Hayati Yasmin Nga Timin
ISBN 978-983-13549-5-7

1. Cancer--Patients.
 2. Cancer--Psychological aspects.
 3. Cancer--Patients—Anecdotes.
- I. Norsa'adah Ahmad, 1979-
II. Noor Hayati Yasmin Nga Timin, Dr.. 1979-
616.994

Pereka Bentuk Kulit: Aziah Tahir
Pereka Letak: Norsa'adah Ahmad

Dicetak oleh:
Firdaus Press Sdn Bhd

Dedikasi

Buat semua pejuang kanser, ahli keluarga, perawat dan sukarelawan kanser.

Kejadian yang dicatatkan dalam buku ini adalah kisah benar. Namun, maklumat seperti nama, tempat dan masa mungkin diubah bagi melindungi privasi dan kerahsiaan pesakit dan ahli keluarga. Sebarang persamaan tidak merujuk secara khusus kepada mana-mana pesakit. Sekiranya pesakit menghadapi penyakit yang serupa, sila dapatkan nasihat doktor kerana kisah dalam buku ini bukan panduan rawatan melainkan pengalaman penulis semata-mata.

PENGENALAN

HARI Kanser Sedunia pada 4 Februari setiap tahun mengingatkan kita kepada semua pejuang kanser di seluruh dunia. Hakikat tentang penyakit kritikal ini semakin kerap didengari dan dialami oleh pesakit daripada pelbagai peringkat umur. Kesedaran dalam kalangan masyarakat turut meningkat.

Ramai orang mula membicarakan dan berkongsi kisah mereka secara terbuka. Media sosial yang berkembang pesat pada hari ini memberi ruang kepada pesakit kanser dan penjaga untuk meluahkan rasa. Kita dapat membaca kisah perjuangan yang penuh cabaran dan memberi inspirasi dalam kehidupan.

Projek Lavender bermula pada tahun 2018 dan merakamkan 22 kisah pejuang kanser yang cecal melawan. Sejak beberapa tahun yang lalu, kisah hidup pesakit kanser sudah ada yang dibukukan. Kemunculan Projek Lavender ini menjadi pemangkin kepada kami untuk menyebarkan pengalaman pejuang kanser dan ahli keluarga terdekat mereka. Tujuan kami mahu menjadikan kisah inspirasi mereka sebagai pencetus semangat kepada golongan yang menghadapi cabaran serupa.

Kanser boleh hadir secara tiba-tiba tanpa sebarang simptom yang jelas. Penyakit ini mengubah kehidupan pesakit dan orang di sekeliling mereka. Kanser dapat dikesan kadangkala secara kebetulan apabila pemeriksaan kesihatan dilakukan. Kanser sering kali disalah erti sebagai hukuman. Sedangkan penyakit ini takdir Tuhan supaya insan lebih dekat dengan-Nya.

Buku kedua dalam siri kisah kanser ini dibahagikan kepada tiga, iaitu catatan hati pejuang kanser, penjaga dan perawat dan sukarelawan yang terlibat dengan komuniti kanser. Satu artikel berkaitan kaedah menangani kanser turut disertakan di bahagian akhir buku.

Sembilan penulis berkongsi pengalaman dan detik kritikal apabila mereka terpaksa menjalani rawatan penyakit yang pelbagai seperti kemoterapi dan radioterapi. Mereka juga perlu melakukan banyak ujian seperti ujian darah dan pemeriksaan sumsum tulang.

Catatan ini seolah-olah jurnal atau diari ringkas yang merakamkan secebis kisah perjuangan hidup mereka dalam melawan kanser. Sudah pasti setiap penulis ini menghadapi ujian yang besar. Sekiranya setiap kisah dicatatkan sepenuhnya, pasti penulis dapat menghasilkan sebuah buku yang mempunyai hikmah tersendiri buat para pembaca.

Bahagian kedua mengandungi sembilan catatan hati penjaga dan perawat pesakit kanser. Golongan ini mempunyai peranan yang penting dalam memberi sokongan kepada pesakit. Yang paling utama adalah sokongan daripada segi tenaga dan masa. Malahan ahli keluarga khususnya turut dapat meringankan beban kewangan bagi mereka yang mampu.

Sesungguhnya, bebanan emosi yang ditanggung oleh penjaga pesakit kanser tidak kurang hebatnya. Ramai juga ahli masyarakat kita yang menghadapi cabaran kanser lebih daripada sekali dalam lingkungan keluarga mereka.

Selain ahli keluarga, kisah sahabat dan majikan memberi perspektif berbeza tentang layanan kepada pesakit kanser. Pengalaman perawat yang merupakan pakar dalam bidang obstetrik dan ginekologi juga dinukilkan. Kanser wanita yang memerlukan rawatan rapi dan kompleks menjadi peringatan supaya kita lebih cakna kepada pencegahan dan pemeriksaan awal untuk mengesan kanser.

Dua kisah sukarelawan kanser menunjukkan kehebatan sokongan secara komuniti. Penulis yang juga pejuang kanser mengakui kepuasan tersendiri apabila membantu orang lain. Penulis kedua pula berkongsi pengalaman mengendalikankan kanak-kanak pesakit kanser semasa bertugas di Coventry, United Kingdom.

Penyakit ialah ujian. Kenyataan ini biasa diungkapkan. Namun, penyakit kritikal seperti ini memberi pengalaman luar biasa hebat kepada seorang pejuang kanser. Bergelut dengan perasaan, tidak percaya tentang kewujudan kanser dalam tubuh dan tidak tahu tindakan yang perlu dilakukan. Satu proses yang melelahkan. Apabila semuanya menjadi jelas, rasa syukur dan reda menjadi tunggak untuk meneruskan perjuangan mereka.

Catatan hati penulis membuktikan hubungan seorang hamba dan pencipta-Nya yang semakin dekat apabila kita reda dan tidak putus asa dalam menjalani kehidupan ini. Sakit yang diberi barangkali nikmat yang Allah anugerahkan supaya hamba-Nya bersyukur.

Semoga kisah yang dinukilkan ini memberi semangat baru dan inspirasi buat pejuang kanser, penjaga dan masyarakat secara keseluruhan.

Dr Noor Hayati Yasmin Nga Timin
Norsa'adah Ahmad

KANDUNGAN

CATATAN HATI PEJUANG KANSER	1
Ramadan Sumber Kekuatan, <i>Dr Sabariah Faizah Jamaluddin</i>	3
Perjuangan Diteruskan, <i>Siti Alfatimah Abdullah</i>	12
Aku Memilih Sederhana, <i>Fadhibah Idris</i>	20
Usah Mengalah Sebelum Kalah, <i>Rose Fazlinda Rusli</i>	29
Aku Menyambut Seruan-Mu, <i>Asaritamaziah Hisam</i>	39
Ujian Mengajar Erti Kesabaran, <i>Aiyah Huda</i>	50
Syukur Atas Peluang Sihat, <i>Siti Zubaidah Sanusi</i>	59
Berusaha Selagi Daya, <i>Rasyada A. Rahman</i>	66
Berdamai Dengan Kanser, <i>Anita Aziz</i>	75
CATATAN HATI PENJAGA & PERAWAT	89
Isteriku Pejuang Kanser 2, <i>Rosli Diming</i>	91
Baba Pergi, <i>Izatul Syazreen</i>	106
Dikya, <i>Sufi Noryani Supian</i>	119
Dia Yang Dilindungi, <i>Mimi Salleh</i>	134
Harapan Yang Kosong, <i>Dr Mohd Khamizji Aziz</i>	142
Awish, <i>Norleen Mohid</i>	150
Semangat Seorang Mama, <i>Murni Nasri</i>	158
Balqis, <i>Fazlyn Yusniza Yusof</i>	165

Kanser Wanita Pada Usia Muda, <i>Dr Nurul Khairiyah Khairuddin</i>	173
CATATAN HATI SUKARELAWAN	191
Sumbangan Buat Pesakit Kanser, <i>Rose Fazlinda Rusli</i>	193
Mengenal Si Kecil Pejuang Kanser, <i>Wan Erni Suria</i>	198
Menangani Derita Kanser, <i>Noor Jahan Ebrahim</i>	206
Glosari	217
Penghargaan	219
Tentang Penulis	220

Catatan Hati Pejuang Kanser

Ramadan Sumber Kekuatan

Dr Sabariah Faizah Jamaluddin



SAYA tidak menyangka demam yang dialami bukannya demam biasa. Kepala terasa berat, badan terasa tak bermaya. Masuk hari ketiga demam, saya membuat pemeriksaan darah di hospital. Saya risaukan saya terkena demam denggi.

Keputusan pemeriksaan darah tak menunjukkan saya mengalami demam denggi. Sebaliknya penyakit lain pula. Darah merah saya rendah daripada normal begitu juga bilangan platelet. Saya dimasukkan ke wad dan pemeriksaan lanjutan dilakukan.

Keesokan pagi saya lihat pengarah hospital, pakar perubatan, pakar ortopedik dan pakar patologi berkumpul di luar bilik saya. Mereka seperti berbincang dengan serius. “Kenapa tak masuk? Masuk la.” Tegur saya. Dalam hati saya merasakan ada perkara penting yang mereka mahu sampaikan.

Pakar bahagian patologi menyampaikan berita kepada saya. “*We see blast cell when we read your slide. You have Acute Myeloid Leukaemia.*” Ayat itu mengejutkan saya namun saya faham maksud kata-katanya. Pakar itu yang menangis ketika

memberitahu saya. Saya memandang dia. Tak tahu apa yang mahu dikatakan. Saya cuba memproses maklumat itu secepat mungkin. Saya dihantar ke Hospital Ampang pada hari yang sama.

Saya masih ingat lagi tarikh segalanya berlaku. Tarikh saya mendapat tahu diagnosis penyakit ini. 12 Ogos tahun 2011. 12 Ramadan. Ya, peristiwa ini berlaku semasa bulan puasa. Bulan yang mulia bagi umat Islam. Barangkali itu kekuatan saya untuk menerima berita yang disampaikan.

Sehari selepas kemasukan ke Hospital Ampang, pemindahan darah dijalankan kerana jumlah darah saya terlalu rendah. Tiga hari selepas itu, *Hickman catheter* dipasang dan kemoterapi dimulakan.

Segalanya berlaku terlalu pantas. Saya datang ke hospital kerana sakit kepala dan demam selama tiga hari. Tiba-tiba saya disahkan menghidap penyakit kanser. Daripada seorang doktor, kini status saya bertukar menjadi seorang pesakit. Malah menghidapi penyakit yang digeruni oleh kebanyakan orang. Menyebut kanser saja sudah menimbulkan kegalauan di hati. Kerana ada orang kata, menghidap kanser itu seperti menerima hukuman mati.

Sebelum ini saya merawat orang. Tak terkira ramainya pesakit yang menerima sentuhan saya. Sekarang giliran saya pula menerima rawatan daripada doktor. Saya bukan seorang doktor lagi buat masa sekarang. Saya seorang pesakit. Saya pesakit kanser.

“Apa yang menjadi kekuatan diri saya?”

Apabila diajukan soalan ini, saya pantas menjawab, “Ramadan yang memberi kekuatan kepada saya.” Betul. Bulan Ramadan membuatkan saya reda kepada Allah SWT dengan apa saja yang berlaku terhadap diri saya ketika itu.

Saya tak berfikir terlalu banyak. Saya tak membaca mengenai rawatan dan komplikasinya. Saya baca mengenai Acute Myeloid Leukaemia secara ringkas di internet. Sedikit sahaja yang saya baca. Saya tak mahu saratkan kepala dengan terlalu banyak informasi yang akan membuatkan saya semakin pening kepala.

“Tiga perempat pesakit mempunyai prognosis yang baik.”

Saya memandang suami yang turut mendengar kata-kata Dato’ Dr Chang, ketua jabatan hematologi Hospital Ampang. Saya tidak tahu apa yang berada dalam fikiran suami. Tapi saya tahu dia tetap akan bersama saya menempuh saat yang menguji ini.

Dato’ Dr Chang turut memperkenalkan saya dengan seorang pakar ortopedik yang menghidap Chronic Myeloid Leukaemia. Pakar ortopedik itu telah sembuh daripada penyakit selepas pindahan tulang sumsum. Dia berkongsi pengalamannya dan membuatkan saya sedar, bukan saya seorang saja doktor yang bertukar status menjadi pesakit. Ada orang lain seperti saya.

Pemeriksaan sumsum tulang disarankan doktor. Ujian ini ditakuti kebanyakan orang, namun saya terus bersetuju tanpa berfikir panjang. Saya tahu doktor yang merawat mahu lakukan

yang terbaik untuk saya. Doktor anestesia memberikan saya ubat bius yang cukup untuk saya mengharungi pemeriksaan sumsum tulang tanpa sakit yang keterlaluan.

Jujurnya saya tidak mengingati berapa kali saya menjalani kemoterapi. Tetapi saya tidak melalui radioterapi. Bagi pegawai kerajaan yang disahkan menghidap kanser, mereka boleh memohon cuti bergaji sehingga dua tahun. Cuti untuk menjalani rawatan dan fasa penyembuhan diri.

Saya diberi cuti selama sembilan bulan. Rutin kerja sebagai pakar kecemasan dan ketua perkhidmatan kecemasan Malaysia berubah sekelip mata. Daripada kesibukan yang menggila kini masa saya dipenuhi dengan kunjungan ke hospital untuk rawatan, tinggal di wad dan berehat di rumah. Tiada lagi mesyuarat di sana sini, melihat pesakit dan menghadiri persidangan serta seminar perubatan.

Tiga minggu pertama fasa rawatan berjaya saya harungi. Saya beritahu diri saya akan lalui masa ini dengan hati yang kuat. Saya tak boleh mengalah. Setiap hari di wad, rutin yang saya lalui sama. Sarapan, makan tengah hari dan makan malam pada waktu yang ditentukan. Doktor pakar bertanya khabar dan meneliti perkembangan kesihatan saya.

Pada waktu tengah hari sebelum Zohor, saya membaca al-Quran. Selepas Asar dan Maghrib saya penuh dengan aktiviti membaca al-Quran. Saya tidur awal pada waktu malam. Tuhan berikan ujian sakit. Namun Tuhan beri ruang dan masa untuk

saya mendekatkan diri kepada-Nya. Benarlah, ada hikmah di sebalik setiap ujian. Saya dapat membaca al-Quran sebanyak mana yang saya mahukan kerana saya mempunyai masa lapang di wad.

Saya tidak menghadapi masalah dengan rawatan yang dijalani. Cuma saya diuji dengan selera makan yang berkurangan semasa melalui kemoterapi. Saya boleh makan namun tidak berselera untuk makan. Makanan yang masuk ke mulut, rasanya pelik. Setiap kali makan, saya tak tahu rasa makanan. Saya tak tahu bagaimana untuk menggambarkan perasaan itu. Tapi saya tahu saya kena makan untuk mendapatkan tenaga. Sekiranya tidak bertenaga, bagaimana saya mahu meneruskan kemoterapi.

Bukan saja diduga dengan ketiadaan selera makan, malah saya harus berhati-hati dengan segala jenis makanan yang diambil. Tidak boleh makan makanan yang mentah. Hatta salad pun saya tidak berani untuk makan. Apabila makan buah, kulitnya harus dikopek. Makanan harus dimasak dengan betul. Kebersihan makanan sangat penting. Saya makan makanan yang dimasak saja. Di hospital, makanan saya terjaga rapi.

Bukan kebersihan makanan saja, malah kebersihan mulut dan tubuh badan harus dititik beratkan. Mandi untuk membersihkan tubuh, menggosok dan flos gigi sebelum tidur. Mungkin nampak remeh tapi semua itu penting sebagai salah satu cara kami menjaga kesihatan dalam menjalani rawatan.

Tidak terlintas langsung untuk mengambil rawatan alternatif. Mengapa saya harus membuang masa dengan rawatan alternatif yang tidak diketahui keberkesannya? Sedangkan hospital menawarkan rawatan yang terbukti berkesan melalui kajian berterusan.

Tiga minggu di hospital menjalani rawatan. Dua minggu di rumah. Bersilih ganti rutin itu. Setiap kali kemoterapi diberikan, paket darah merah dan platelet turut dimasukkan ke tubuh saya. Saya mengalami gatal-gatal setiap kali pemindahan platelet dijalankan. Perasaan itu tidak menyenangkan.

Pernah sekali saya demam disebabkan kuman masuk ke dalam darah. Pada masa itu badan saya kurang imuniti kesan daripada kemoterapi. Suhu mencecah 40 darjah celsius. Saya menggigil kuat. Kasihan pula melihat pegawai perubatan yang merawat saya ketika itu dimarahi oleh pakarnya kerana lambat memulakan rawatan antibiotik apabila saya demam.

Tidak ada orang di samping saya ketika itu. Saya rasa sunyi. Suami saya tidak sihat, maka dia tidak boleh datang menemani saya. Anak-anak pula tidak dapat balik ketika itu kerana mempunyai urusan lain yang tidak dapat dielakkan.

Saya hubungi salah seorang doktor pakar yang bekerja dengan saya di Hospital Sungai Buloh. Dr Julina datang segera apabila menerima panggilan saya. Saya berterima kasih atas kehadirannya. Orang yang sedang sakit, ada masanya hatinya rapuh. Kehadiran seseorang di sisi cukup untuk menjadi peneman yang membahagiakan. Ada orang menangis sedih.

Ada orang marah. Ada orang bertanya-tanya kenapa dirinya yang diuji dengan penyakit kanser.

Saya reda dengan apa yang berlaku. Saya tidak mempunyai perasaan marah kerana saya tahu Tuhan yang melorongkan takdir ini untuk saya. Tetapi bohong jika saya katakan saya tidak bersedih. Adakalanya saya sedih menunggu masanya bacaan darah putih saya meningkat. Keputusan ujian yang baik membolehkan saya untuk pulang ke rumah.

Pakar yang merawat saya sentiasa menasihatkan saya supaya berfikiran positif. Bukan tubuh saja perlu kuat untuk menerima rawatan yang diberikan. Mental juga perlu kuat untuk ujian kanser ini. Mental tak boleh koyak.

Namun saya manusia biasa. Saya turut menangis bila sedih. Cuma bukan di hadapan orang. Tipulah kalau saya kata saya tak menangis langsung. Tipu kalau saya kata saya tak terfikir langsung mengenai kematian. Setiap orang akan mati, cuma bagaimana cara kita akan mati. Adakah saya akan mati kerana penyakit ini? Tidak. Saya tak mahu terlalu memikirkannya. Saya terima takdir yang Tuhan tetapkan dan saya teruskan dengan rawatan sebagai ikhtiar untuk sembuh. Saya hanya fokus untuk sembuh.

Alhamdulillah saya mempunyai sistem sokongan yang bagus. Suami dan anak-anak bersungguh-sungguh membantu saya mengharungi fasa rawatan dan penyembuhan. Mereka tulang belakang saya. Tanpa keluarga, saya mungkin rebah. Bukan sahaja ahli keluarga. Malah rakan-rakan lama, kawan

sekolah menengah menunjukkan mereka mengambil berat terhadap diri saya. Apabila saya sudah bosan dengan makanan yang disajikan di hospital, mereka membawakan makanan yang saya mahukan. Mereka ada di sisi saya untuk menceriakan saya.

Dedikasi Dato' Dr Chang Kian Meng, Ketua Jabatan Hematologi Hospital Ampang yang merawat saya amat saya kagumi. Setiap hari tanpa gagal dia melihat saya semasa saya berada di hospital. Pegawai perubatan yang bertugas merawat saya dengan berhemah. Terima kasih kepada staf di wad tempat saya bermukim selama berbulan-bulan. Jasa baik mereka memang tak terbalas. Saya doakan kebaikan untuk semua staf di sana.

Dato' Sri Dr Abu Hassan Asaari menghantar air zam zam kepada saya di hospital sebaik saja beliau sampai dari lapangan terbang. Semuanya membuatkan saya terharu. Sekecil-kecil perkara yang mereka lakukan besar ertinya kepada saya.

Selepas selesai menjalani rawatan, saya harus membuat pemeriksaan di hospital secara bulanan. Pemeriksaan sumsum tulang dilakukan beberapa kali. Dr Melor, pakar bius memberi bius setiap kali pemeriksaan sumsum tulang dijalankan. Pemeriksaan darah dilakukan setiap tiga bulan, kemudian rutin dijarakkan kepada setiap enam bulan. Saya tak pernah jemu menjalani pemeriksaan yang ditetapkan. Istilah putus asa tiada dalam hidup saya. Saya berjuang untuk hidup. Saya menjalani setiap rawatan yang diberikan dengan tabah. Saya tak akan mengalah.

25 Disember 2011 tarikh rawatan terakhir saya. Hari yang saya tunggu-tunggu. Tuhan memudahkan perjalanan saya dalam melalui ujian kanser ini. Pertengahan tahun 2012 saya sudah masuk bekerja. Saya tak pernah menyangka, saya akan seembira ini untuk memulakan hari kerja. Saya boleh bekerja semula selepas sekian lama bercuti.

Sekarang saya disahkan sembuh daripada penyakit ini. Saya benar-benar bersyukur dengan kesembuhan yang Tuhan berikan. Buat rakan seperjuangan di luar sana, usah rumitkan fikiran kita. Orang putih kata, *don't overthink*. Terima takdir ini dan pilih jalan seterusnya. Tetapkan apa yang kita mahu. Fokus untuk sembuh.

Perjuangan Diteruskan

Siti Alfatimah Abdullah



YA. Saya seorang pejuang kanser dan ingin meneruskan perkongsian dalam kisah ini. Saya rakamkan perjuangan berdepan dengan kanser dalam Projek Lavender pertama. Saya ingin terus menjadi inspirasi kepada semua.

Rawatan saya tidak berhenti dengan kemoterapi sahaja. Walaupun tiada perancangan untuk radioterapi dan masih belum nampak sisi indah khabar ‘bebas kanser’, saya tidak pernah berputus harap. Saya tetap setia meneruskan rutin rawatan yang ditetapkan oleh doktor pakar. Saban hari, saya menerima perkhabaran gugurnya teman seperjuangan seorang demi seorang. Seperti kata sahabat saya, mereka bukan gagal tetapi mereka telah berjaya melalui fasa masing-masing di dunia persinggahan ini.

Saya terpenggil untuk meneruskan perkongsian kerana saya merasakan ramai pejuang di luar sana yang masih tercari-cari haluan. Ingatlah bahawa rawatan hospital adalah salah satu usaha kita untuk sembuh. Walaupun kadang kala rutinnya menyakitkan dan memenatkan. Kita harus sematkan di hati tatkala kita dipilih sebagai pejuang, kita harus berjuang habis-

habisan. Biar kita gugur sebagai seorang pejuang yang berani di barisan hadapan dan pejuang yang segar dalam ingatan. Bukan insan lemah yang mengharapkan simpati, perginya hanya ditangisi.



Dapatkan buku Projek Lavender 2 untuk membaca semua kisah dalam buku ini.

Hubungi kami di duapenulis@gmail.com atau

Whatsapp: 019-7522108 / 019-5593436

Pesan secara online di duapenulis.com

Pembaca juga boleh menghubungi penulis untuk mendapatkan naskhah ini.

Ini ialah sampel sahaja. Kongsi dengan keluarga, sahabat dan komuniti anda supaya kisah ini dapat menjadi inspirasi buat semua.

Kami mengalu-alukan ejen jualan buku untuk menyertai kami. Terima kasih.

INSPIRASI &
PERJUANGAN

PROJEK
LAVENDER

DUAPENULIS.COM

